"Paling tinggi agihan RM50,000, terlalu kecil untuk pembinaan sekolah baharu. Bantuan ini kebanyakannya lebih kepada naik taraf kemudahan kantin, naik taraf kemudahan pembelajaran

dan sebagainya.

"Cuma tahun ini, untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, kita ada buat untuk program kelas tambahan yang diaturkan bersama-sama.

"Jadi, tahun depan kita hendak lihat isinya bukan hanya untuk pembangunan fizikal, tetapi juga pembangunan pendidikan pembelajaran anak yang perlu kelas tambahan," katanya di sini, semalam.

BERITA HARIAN

Tarikh.....20 DEC 2024.....

Komitmen bersama jaga kebersihan mampu cegah bencana alam ekstrem

Basmin Maarof,
Pegawai Komunikasi
Korporat, Pertubuhan
IKRAM Malaysia

Dunia sedang mengalami perubahan cuaca menyebabkan fenomena bencana alam ekstrem. Banjir semakin kerap melanda banyak negara, termasuk Malaysia menjadi petanda jelas keseimbangan ekosistem sedang tergugat.

Kejadian ini bukan sekadar fenomena semula jadi tetapi turut didorong tindakan manusia merosakkan alam sekitar. Kesan banjir tidak hanya terbatas kepada kemusnahan harta benda dan infrastruktur, tetapi memberikan impak besar terhadap kehidupan sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Kebanyakan kejadian banjir kini dipengaruhi perubahan drastik dalam pola cuaca akibat perubahan iklim global. Pemanasan bumi diakibatkan pelepasan gas rumah kaca meningkatkan kadar penyejatan, menghasilkan hujan lebih lebat dan kerap.

Dalam konteks Malaysia, kawasan bandar pesat membangun sering menghadapi banjir kilat akibat saliran tidak mencukupi dan perancangan bandar kurang efektif walaupun pemerintah sudah melakukan apa yang terdapat mencegahnya.

Penebangan hutan secara meluas juga menghapuskan kawasan tadahan air semula jadi, menyebabkan tanah kehilangan keupayaan untuk menyerap air hujan.

Antara isu utama manusia sering kali terlepas pandang ialah akibat pencemaran alam, khususnya pencemaran sampah, menambah teruk banjir.

Apabila hujan atau angin bertiup, serpihan plastik dengan mudah dibawa melalui saluran air dan longkang. Sungai yang dulunya arus air semula jadi kini bertukar menjadi 'lebuhraya plastik'.

Masalah ini semakin rumit apabila plastik

mencemari sungai dan kawasan tadahan mengganggu keseimbangan ekosistem air. Selain mencetuskan banjir, pencemaran ini juga memusnahkan habitat semula jadi hidupan akuatik.

Kesannya, bukan sahaja risiko banjir meningkat, tetapi sumber semula jadi penting turut terancam. Dalam situasi ini, keperluan untuk menjaga dan melestarikan alam semakin mendesak.

Didik kepentingan urus sisa

Dalam menghadapi cabaran ini, penjagaan alam sekitar tidak lagi boleh dianggap sebagai pilihan, tetapi mesti menjadi tanggungjawab bersama. Ka-

wasan hijau berfungsi sebagai penampungan semula jadi wajib dipelihara.

Sementara itu, pengurusan sisa pepejal memerlukan perhatian serius. Masyarakat perlu dididik mengenai kepentingan menguruskan sisa dengan betul, termasuk kitar semula dan pengurangan penggunaan plastik.

Mungkin kita memerlukan sistem pengumpulan sisa baharu lebih efisien dan pelaksanaan undang-undang lebih tegas terhadap penyebab pencemaran dan pembuangan sampah secara haram.

Pembangunan infrastruktur mampan perlu menjadi keutamaan. Justeru, pendekatan holistik membabitkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi akademik dan masyarakat amat diperlukan untuk menangani isu banjir dan pencemaran alam sekitar.

Kerajaan mesti memimpin dengan dasar yang tegas dan membuat pelaburan strategik dalam teknologi hijau serta tenaga boleh diperbaharui. Usaha ini memerlukan sokongan sektor swasta yang mampu mencipta inovasi mesra alam dan mengamalkan perniagaan lestari.

NGO boleh menjadi penggerak meningkatkan kesedaran rakyat, menyelaras bantuan teknikal dan mendekati komuniti terkecuali. Semua ini menuntut keberanian untuk melangkah keluar dari zona selesa dan mengutamakan kelangsungan bumi kita.

Perubahan sebenar bermula pada akar umbi. Masyarakat setempat tidak boleh menormalisasikan aktiviti pencemaran alam mahupun rasa selasa atau tidak tersentuh dengan aktiviti kerosakan alam. Usaha bersama ini bukan sahaja mengurangkan risiko bencana, tetapi juga meletakkan asas kukuh untuk masa depan lestari.



BERITA HARIAN
20 DEC 2024
Tarikh.....

Transformasi MADANI imbangi kesejahteraan rakyat, kos sara hidup

● Kerajaan Perpaduan tahun ini melaksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam ganti Sistem Saraan Malaysia, sekali gus merealisasikan hasrat 1.6 juta penjawat awam menanti pelarasan gaji baharu sejak 12 tahun lalu

● Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar mengemudi reformasi menyeluruh dalam perkhidmatan awam untuk menjadikannya lebih inklusif, cekap dan responsif terhadap keperluan rakyat

Pelaksanaan dasar dan transformasi berasaskan Konsep MADANI menyaksikan Kerajaan Perpaduan sepanjang 2024 memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan mengimbangi kos sara hidup.

Konsep MADANI menekankan enam nilai teras iaitu 'Kemampuan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan' adalah sintesis gaya Malaysia, menggabungkan amalan sedia ada dengan kaedah baharu diketengahkan untuk menangani setiap isu baharu dan ketidakpastian.

Ke arah pembaharuan itu, gaji minimum dan penambahbaikan gaji menjadi ikhtiar kerajaan untuk mereformasi pasaran buruh dengan matlamat meningkatkan pendapatan pekerja, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober lalu.

Sejajar dengan pengumuman itu, kadar gaji minimum bagi pekerja akan dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan, berkuat kuasa mulai 1 Februari tahun depan. Langkah ini diambil untuk memastikan pekerja menerima upah setimpal dengan kos sara hidup semasa.

Bukan itu sahaja, dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat, kerajaan memperkenalkan Dasar Gaji Progresif dilaksanakan secara rintis pada Jun lalu, dengan peruntukan RM200 juta bagi memanfaatkan 50,000 pekerja di negara ini tahun depan. Dasar ini memberi peluang kepada golongan pekerja untuk meningkatkan pendapatan berdasarkan prestasi kerja.

Dalam pembentangan Belanjawan 2025, pelatih guru mengikuti Program Ijazah Muda Pendidikan akan menerima elaun sara hidup RM530 pada tahun hadapan berbanding RM430 diterima pada tahun sebelumnya. Ini insentif penting menggalakkan lebih ramai individu menceburi bidang pendidikan.

Transformasi terhadap bantuan pendidikan dan sosial juga tidak dilupakan kerajaan untuk memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) tidak terpinggir dari segi ekonomi dan sosial menerusi Bantuan OKU melalui peruntukan tam-

bahan sehingga RM1.3 bilion pada tahun depan.

Tidak dilupakan juga Bantuan Warga Emas sebanyak RM600, penyediaan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) sebanyak RM800 juta pada tahun hadapan bagi meringankan beban kewangan keluarga, Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin berusia antara tujuh hingga 18 tahun sebanyak RM200 serta peruntukan RM60,000 bagi pembelian tiket penerbangan untuk mahasiswa perlu pulang ke kampung halaman atau menghadiri program luar kampus juga disediakan kerajaan MADANI mendengar denyut nadi rakyat memerlukan.

Kerajaan Perpaduan pada tahun ini melaksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM), sekali gus merealisasikan hasrat 1.6 juta penjawat awam menantikan pelarasan gaji baharu sejak 12 tahun lalu.

Pelarasan gaji 15 peratus diberikan kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi menerusi SSPA, dilaksanakan secara berfasa mulai 1 Disember lalu dan 1 Januari 2026 (Fasa Dua).

Anwar mengumumkan khabar baik itu pada 16 Ogos lalu memaklumkan SSPA dirangka bukan sekadar membawa pembaharuan dan peningka-

tan dalam pendapatan boleh guna akan dinikmati penjawat awam tetapi ia satu sistem saraan bertekankan prestasi.

"Yang mengetepikan tugas, cuai dan malas, saya nak beritahu mereka ini tidak akan diberi layanan dan ganjaran setimpal. Kalau lembab, malas dan cuai, walau sudah kerja 20 tahun, peningkatan pendapatan tidak akan dijamin," kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Ketegasan Perdana Menteri mengenai hal berkenaan membuktikan pelaksanaan transformasi gaji penjawat awam itu dilihat bertepatan dengan hasrat kerajaan memastikan peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam serta menjaga kesejahteraan pegawai, selain memberi manfaat kepada penjawat awam secara amnya.

Di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar mengemudi reformasi menyeluruh dalam perkhidmatan awam untuk menjadikannya lebih inklusif, cekap dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Buktinya dalam tempoh 100 hari pertama kepimpinan Shamsul Azri, pelbagai inisiatif reformasi berkaitan prinsip integriti, kecekapan dan inovasi diterapkan beliau, tidak hanya mengubah struktur pentadbiran tetapi membentuk minda dan budaya kerja baharu dalam perkhidmatan awam.

Anjakan sistem pentadbiran negara

Bukan itu sahaja, pengenalan Pangkalan Data Utama (PADU), aplikasi MyDigital ID serta program 'AI untuk Rakyat' - program pembelajaran kendiri mengenai kecerdasan buatan (AI) dalam talian, pencetus perubahan bagi pengurusan data adalah satu anjakan besar dalam sistem pentadbiran negara. Ia memberi manfaat cukup besar dan tahap keselamatannya pula tidak perlu diragui.

Rasionalisasi subsidi adalah sebahagian daripada pembaharuan ekonomi dilaksanakan Kerajaan Perpaduan, dengan antara lain menamatkan subsidi untuk ayam dan telur, pengapungan harga barangan, menghentikan subsidi elektrik kepada isi rumah berpendapatan tinggi serta melaksanakan pendekatan bersasar bagi diesel.

Sepanjang pelaksanaannya, sememangnya diperakui rasionalisasi subsidi adalah pembaharuan struktur penting bahawa kerajaan komited mengukuhkan daya tahan ekonomi dan memperluaskan asas pendapatan negara serta disalurkan kepada perbelanjaan pembangunan lebih utama seperti untuk sektor pendidikan dan kesihatan.

Keputusan kerajaan meningkatkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) daripada RM10 bilion kepada RM13 bilion dalam Belanjawan 2025 menyerlahkan komitmen untuk menyokong kumpulan B40, antara langkah efektif bagi mengurangkan kesan penyasaran subsidi dan peningkatan kos sara hidup.

Ketegasan kerajaan mengambil langkah tidak popular dengan keazaman politik berani demi kesejahteraan rakyat dan masa depan negara lebih mampan wajar disokong sepenuhnya kerana ia bukan bertujuan membebaskan rakyat, sebaliknya disalurkan semula melalui pelbagai bantuan termasuk pemindahan tunai bagi meringankan kos sara hidup.

BERNAMA

“Ketegasan kerajaan mengambil langkah tidak popular dengan keazaman politik berani demi kesejahteraan rakyat dan masa depan negara lebih mampan wajar disokong sepenuhnya”



Peruntukan besar Belanjawan 2025 sokong pertumbuhan mampan PKS

Langkah mampu perkukuh daya saing, pemangkin perkembangan ekonomi negara

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Peruntukan berskala besar yang diumumkan menerusi Belanjawan 2025 dijangka memberikan impak yang signifikan terhadap pertumbuhan jangka panjang perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Langkah itu bukan sahaja mampu memperkukuh daya saing PKS, malah berpotensi menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negara yang lebih kukuh dan mampan pada masa hadapan.

Penganalisis Ekonomi, Dr Mohamad Khair Afham, berkata berbanding dengan negara serantau seperti Singapura dan Vietnam, sokongan pembiayaan PKS di Malaysia di bawah Belanjawan 2025 menunjukkan komitmen yang tinggi, meskipun wujud ruang untuk penambahbaikan.

Beliau berkata, menerusi belanjawan tahunan terbesar dalam sejarah Malaysia itu, pelaburan untuk PKS dilihat dapat mempercepatkan transformasi digital serta mendorong pengeluaran berasaskan teknologi hijau yang lebih mampan.

Menerusi sokongan itu, katanya, PKS akan lebih berdaya saing dan berupaya menyertai rantaian bekalan global dengan lebih efektif.

"Selain itu, PKS yang diperkasakan dengan teknologi moden akan menjadi lebih berdaya tahan terhadap ketidakstabilan ekonomi, sekali gus mengukuhkan pertumbuhan ekonomi keseluruhan negara," katanya.

Mengulas mengenai Dana Pembangunan Industri NIMP (NIDF), Mohamad Khair berkata, peruntukan itu memberikan peluang kepada PKS untuk memodenkan operasi dengan mengurangkan kos pengeluaran melalui inovasi teknologi.

Beliau berkata, PKS yang memanfaatkan teknologi hijau juga dapat memenuhi standard antarabangsa, membolehkan mereka memasuki pasaran global dengan lebih mudah.

Katanya, NIDF boleh menjadi pemangkin utama kepada inovasi dan penerapan teknologi hijau dalam kalangan PKS.

"Dengan menggunakan dana



ini, PKS dapat membiayai penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam teknologi mampan serta memodenkan operasi mereka menggunakan tenaga boleh diperbaharui.

"Inisiatif ini bukan sahaja membantu mengurangkan jejak karbon negara, tetapi juga meningkatkan reputasi Malaysia sebagai destinasi pelaburan mesra alam. Dalam jangka panjang, sokongan ini selaras dengan matlamat pembangunan mampan negara, sekali gus menarik pelaburan asing ke sektor hijau.

"Dengan sokongan ini, PKS mampu menjadi pembekal utama kepada syarikat multinasional, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai global. Peruntukan ini juga boleh membuka laluan kepada eksport produk dan perkhidmatan bernilai tinggi," katanya.

Beliau menegaskan, walaupun peruntukan Belanjawan 2025 memberi peluang besar kepada PKS, terdapat beberapa cabaran makroekonomi yang boleh menjejaskan keberkesannya termasuk kadar inflasi yang tinggi boleh meningkatkan kos operasi serta mengecikkan margin keuntungan.

"Keperluan perubahan dasar atau penambahbaikan dalam struktur PKS agar peruntukan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Kerajaan perlu memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti dan latihan untuk menggalakkan inovasi teknologi dan kecekapan pengurusan dalam kalangan PKS.



Mohamad Khair Afham



Chin Chee Seong



Danny Tan

"Di samping itu, insentif cukai bagi pelaburan hijau boleh menjadi dorongan untuk PKS melaksanakan perubahan yang mampan. Struktur dana juga perlu dipermudahkan untuk memastikan PKS mikro, yang sering kali ketinggalan, dapat mengakses sokongan ini dengan lebih mudah," katanya.

Justeru, beliau menegaskan bahawa kerajaan perlu mengamalkan langkah proaktif untuk memastikan PKS mikro dan kecil tidak terpinggir dalam menerima manfaat dana NIDF termasuk langkah penting mewujudkan saluran khas atau dana mikro dalam NIDF.

"Selain itu, sokongan teknikal dan bimbingan perlu disediakan bagi membantu PKS kecil memahami proses dan keperluan untuk mengakses dana ini.

"Kerajaan juga boleh melaksanakan pemantauan dan penilaian berkala untuk memastikan dana ini diagihkan secara adil dan menyeluruh," katanya.

Teroka pasaran baharu

Sementara itu, Presiden Persatuan SME Malaysia, Chin Chee Seong, berkata peruntukan pembiayaan RM40 bilion bagi memacu automasi dan pendigitalan untuk PKS yang ingin berkembang ke peringkat global disif-

kan sebagai amat menggalakkan untuk pertumbuhan sektor perniagaan itu.

"Ia sangat bagus, dengan jaminan lebih RM40 bilion untuk PKS berkembang, termasuk untuk usahawan mikro. Malah, promosi eksport juga cukup baik untuk meneroka pasaran baharu walaupun PKS terpaksa berdepan proses dan masa yang agak panjang," katanya.

Beliau berkata, PKS memainkan peranan kritikal kepada ekonomi negara apabila mewakili 98.5 peratus daripada syarikat di Malaysia dengan 70 peratus daripada jumlah itu adalah perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS).

"PKS memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara dan mewujudkan 40 peratus daripada sektor pekerjaan negara. Peranan kritikal mereka di luar bandar dan bandar. Sumbangan juga besar kepada KDNK iaitu 38 hingga 40 peratus.

"Justeru, adalah sangat penting untuk kerajaan membantu PKS untuk mengembangkan operasi dan peluang yang tersedia dan membantu PKS dengan pembiayaan untuk berdepan pendigitalan dan automasi," katanya.

Chee Seong berkata, kerajaan menerusi pelbagai agensi cukup

menyokong perkembangan PKS dan cadangan yang boleh diutarakan, semua inisiatif memerlukan laporan kad prestasi untuk memantau perkembangan dan pencapaian yang PKS dalam tempoh setahun.

Beri impak positif

Pengaruh Urusan HYT Cross Border Sdn Bhd, Datuk Danny Tan, berkata peruntukan pembiayaan sokongan untuk PKS dalam Belanjawan 2025 adalah signifikan kerana ia member tumpuan kepada usaha pendigitalan, pertumbuhan operasi dan kemampuan eksport.

Justeru, katanya ia akan memberi impak positif kepada capaian dan keterlibatan pelanggan, pertumbuhan hasil dan keuntungan, serta memberikan peluang kepada perniagaan untuk mencapai potensi maksimum.

"Pembiayaan sokongan dan pelbagai inisiatif yang disediakan akan mempercepatkan usaha untuk memanfaatkan potensi besar ekonomi digital, termasuk wujudkan kehadiran di pasaran baharu; menyelaraskan proses perniagaan bagi meningkatkan kecekapan; dan menukar fungsi semasa untuk lebih tertumpu kepada digital," katanya.

Tan berkata, untuk pemerkasaan ekonomi digital, pembiayaan sokongan yang dirancai dalam Belanjawan 2025 akan meningkatkan pendigitalan, melibatkan pasaran dan perdagangan komersial, terutama e-sport serta perdagangan rent sempadan.

NIDF, misalnya, memberi lekhan keupayaan syarikat terus berkembang melalui program sokongan dan pembiayaan.

Pengaruh Projek ExPG Enneering Sdn Bhd, Rathakrishnan Arumugam pula berkata, peruntukan besar untuk PKS memberi lekhan pelaburan disuntik dalam teknologi tinggi, menyokong integrasi ke dalam rantaian bekalan global, meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos operasi melalui pembiayaan berteraskan kelestarian.

"PKS adalah tulang belakang kepada negara membangun. Walaupun nampak munasabah mungkin dari perspektif kerajaan, lebih banyak perkhidmatan diperlukan untuk memperhalakan proses, mengurangkan halangan kelayakan dengan perluan industri.

"Namun, dengan peruntukan besar ini, ia mungkin boleh meningkatkan kecekapan operasi dan memposisikan syarikat untuk kelestarian pertumbuhan pada masa yang panjang," katanya.



PKS memainkan peranan kritikal kepada ekonomi negara apabila mewakili 98.5 peratus daripada syarikat di Malaysia. (Foto hiasan)

Minda Pengarang



'Durian runtuh' tuntutan penjawat awam hemat berbelanja, tingkat prestasi

Antara inti pati penting Belanjawan 2025 adalah kerajaan bersetuju memberikan Bantuan Khas Kewangan kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah sebanyak RM500 dan pesara kerajaan RM250 yang dibayar pada Februari 2025.

Bulan ini, penjawat awam juga boleh tersenyum lebar apabila menikmati kenaikan gaji baharu menerusi Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Kenaikan gaji dan bonus secara berturut-turut ini membuktikan kerajaan berpegang kepada janji menghargai sumbangan dan peranan penjawat awam.

Walaupun begitu, penting bagi penjawat awam untuk menguruskan kewangan mereka dengan bijak, terutama apabila menerima 'durian runtuh' ketika situasi kewangan sebenarnya masih tidak menentu.

Walaupun skim perkhidmatan awam menawarkan kadar gaji stabil berserta pelbagai elaun tambahan, faktor luar seperti inflasi, kenaikan harga barang, kegawatan ekonomi boleh memberi kesan besar terhadap kewangan individu.

Tanpa perancangan kewangan bijak, penjawat awam yang bergantung sepenuhnya pada gaji mungkin berdepan kesukaran kewangan apabila menghadapi keadaan ekonomi mencabar.

Dalam hal ini, belanja berhemat adalah kunci utama untuk memastikan kewangan penjawat awam lebih stabil. Penjawat awam perlu mengutamakan pengurusan kewangan bijak dengan mengelakkan pembaziran dan perbelanjaan berlebihan.

Beberapa langkah boleh dilakukan penjawat awam untuk mengamalkan belanja berhemat seperti menyusun perbelanjaan dengan mengutamakan keperluan asas seperti makanan, perumahan dan simpanan.

Sebaiknya, penjawat awam perlu mengelak hutang tidak perlu seperti kad kredit dan pinjaman peribadi kerana tidak memberi pulangan bahkan hanya akan membebankan komitmen kewangan.

Menyimpan sebahagian bonus dan kenaikan gaji untuk tabung kecemasan harus menjadi strategi penting penjawat awam dalam pengurusan kewangan.

Ini akan membantu penjawat awam menghadapi situasi kecemasan kewangan tanpa perlu bergantung pada hutang.

Berbekalkan pertambahan gaji kelak, sudah sampai masa penjawat awam memikirkan pelaburan jangka panjang untuk menjana pendapatan seperti melabur dalam unit amanah atau saham untuk memastikan kewangan berkembang.

Walaupun kenaikan gaji berdasarkan SSPA bakal memberi kelegaan dan kestabilan kepada sumber pendapatan serta kewangan, penjawat awam tetap berisiko berdepan situasi rentan jika gagal mengurus kewangan dengan bijak.

Dasar hal ini, belanja secara berhemat, berjimat dan bersasar adalah penting untuk memastikan sumber kewangan penjawat awam lebih terjamin, tanpa mengira situasi ekonomi.

Namun, seiring dengan kenaikan gaji dan menerima bonus, penjawat awam harus mengambil tanggungjawab untuk terus meningkatkan kemahiran, mengadaptasi teknologi dan mengutamakan kualiti dalam setiap tugas dilaksanakan.

Paling penting, penjawat awam perlu memastikan setiap tugas dan tanggungjawab dipikul dilaksanakan mengikut petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan. Dengan cara ini, kenaikan gaji akan berbaloi dan memberi impak positif kepada negara dan masyarakat.

Perbaiki kelemahan agensi sebelum wujud rangkaian berpusat

Struktur penguat kuasa perlu ditambah baik bagi banteras jenayah kewangan

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kelemahan fungsi dalam struktur penguatkuasaan oleh pelbagai agensi kerajaan yang sedia ada, perlu dikaji terlebih dahulu sebelum cadangan mengkaji keperluan rangkaian berpusat bagi menangani jenayah kewangan di negara ini dibuat.

Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Tan Sri Dr Ismail Bakar, berkata adalah penting memahami kelemahan sistem semasa, termasuk peranan agensi seperti Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC).

"Kajian terhadap struktur sedia ada ini perlu dilaksanakan untuk menilai apa yang tidak berfungsi dengan baik atau pada tahap maksimum.

"Hanya selepas itu, kita boleh tentukan sama ada rangkaian berpusat ini benar-benar dapat memperbaiki penguatkuasaan jenayah kewangan di negara ini," katanya kepada BH.

Terdahulu BH melaporkan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan satu rangkaian berpusat memabihkan beberapa agensi utama diwujudkan segera dalam usaha menangani jenayah kewangan yang semakin mencabar.

Beliau berkata, sehingga kini masih ramai belum jelas mengenai aspek penguatkuasaan undang-undang dalam mencegah jenayah kewangan yang dijalankan BNM.

dan menyatukan institusi kewangan, agensi kawal selia dan agensi penguatkuasaan, selain agensi swasta supaya usaha memerangi jenayah rasuah, kewangan dan pengubahan wang haram dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan berkesan, selain mengelak pertindihan peranan antara agensi berkaitan.

Ketika ini, selain SPRM, Kementerian dan agensi yang terlibat menangani jenayah kewangan ialah PDRM; BNM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN); Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, dilaporkan berkata memandangkan isu jenayah kewangan rentas sempadan, terutama pengubahan wang yang semakin kompleks, kerjasama di antara agensi utama itu perlu diwujudkan segera.

Katanya, pada era semakin mencabar ini, SPRM menyedari kepentingan kewujudan satu rangkaian yang berupaya menyatukan institusi kewangan, agensi kawal selia (regulator) dan agensi penguatkuasaan.

Peranan agensi tak jelas

Penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abdul Rahim, yang sependapat dengan Ismail, berkata kelemahan, termasuk peranan agensi penguatkuasaan sedia ada yang tidak jelas adalah antara aspek perlu diperbaiki terlebih dahulu sebelum menubuhkan rangkaian bersepadu bagi menangani jenayah kewangan yang semakin mencabar.

Beliau berkata, sehingga kini masih ramai belum jelas mengenai aspek penguatkuasaan undang-undang dalam mencegah jenayah kewangan yang dijalankan BNM.

Pakatan antara agensi banteras jenayah kewangan

Keratan akhbar BH, kelmarin.

Katanya, orang ramai perlu dedahkan peranan dan tanggungjawab setiap agensi dalam mengawal selia isu membabitkan jenayah kewangan dan rasuah.

"Sehingga kini, masih tidak jelas bagaimana agensi menjalankan peranan mereka dalam menyelesaikan isu membabitkan jenayah kewangan.

"Kebanyakan kes yang kita dengar seperti kes mencairkan duit diketahui secara luaran. Kita tidak tahu duit ini untuk apa. Perkara ini perlu jelas," katanya.

Katanya, Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) sehingga kini juga tidak jelas bagaimana undang-undang ini berfungsi.

"Kita ada AMLA, tapi undang-undang ini pun lemah. Tidak ada satu kes pun diselesaikan mengguna AMLA. Hanya tangkapan dibuat mengikut AMLA, tapi akhirnya senyap.

"Justeru, agensi kerajaan sedia ada seperti BNM, SPRM dan PDRM perlu menjelaskan peranan masing-masing dalam menangani jenayah kewangan.

"Sekarang kita bimbang mengenai rasuah membabitkan agensi termasuk pengubahan wang haram tetapi masyarakat umumnya kena tahu pelaksanaan agensi.

"Bila peranan sudah jelas, barulah rangkaian bersepadu yang mahu ditubuhkan dapat berfungsi dengan baik, seterusnya memudahkan masyarakat melaporkan masalah atau isu membabitkan jenayah kewangan dan rasuah," katanya.

Sehingga kini, masih tidak jelas bagaimana agensi menjalankan peranan mereka dalam menyelesaikan isu membabitkan jenayah kewangan. Kebanyakan kes yang kita dengar seperti kes mencairkan duit diketahui secara luaran. Kita tidak tahu duit ini untuk apa. Perkara ini perlu jelas

Shahul Hamid Abdul Rahim,
Penganalisis jenayah



BERITA HARIAN

Tarikh..... 2-0-DEC-2024

Sejuta ahli KWSP buat caruman sukarela RM11.6 bilion sehingga 31 Oktober

KUALA LUMPUR: Seramai sejuta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah membuat caruman sukarela setakat 31 Oktober lalu yang berjumlah RM11.16 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, Caruman sukarela ini boleh dibuat pada bila-bila masa melalui aplikasi mudah alih, perbankan internet, ejen kaunter bank serta kaunter KWSP.

Menjawab soalan tambahan Senator Roderick Wong Siew Lead mengenai inisiatif-inisiatif diambil KWSP bagi membantu pencarum meningkatkan caruman persaraan mereka, katanya, kerajaan menerusi program i-Saraan telah memberi caruman padanan sehingga RM500 setahun yang tertakluk kepada had maksimum RM5,000 seumur hidup bagi seorang individu.

"Bagi golongan muda, KWSP membenarkan individu berdaftar dan mencarum secara sukarela seawal usia 14 tahun bagi menggalakkan golongan itu membuat simpanan awal selain memupuk kesedaran kepentingan simpanan jangka panjang serta memanfaatkan gandaan dividen.

"Kerajaan turut memberikan insentif caruman padanan 50 peratus bagi setiap ringgit yang dicarumkan ke dalam skim KWSP oleh suri rumah di bawah umur 55 tahun yang berdaftar dengan pangkalan data eKasih," katanya.

Dalam pada itu katanya, sebanyak 288,000 ahli KWSP mendaftar untuk membuat caruman pekerja melebihi kadar berkanun sebanyak 11 peratus setakat Oktober 2024.

Menurutnya, pencarum juga boleh mencarum pada bila-bila

masa secara sukarela untuk menambah simpanan, tertakluk kepada had tahunan sebanyak RM100,000 setahun mulai 1 Jun 2023.

Tambah beliau, sebanyak 4.1 juta atau 31.6 peratus daripada 13.1 juta ahli KWSP di bawah umur 55 tahun, memilih untuk mempunyai amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel KWSP (Akaun 3) dengan jumlah perpindahan simpanan sebanyak RM14.5 bilion.

Setakat 27 November 2024, ahli yang membuat pengeluaran melalui Akaun 3 mencecah empat juta orang atau 30.5 peratus daripada keseluruhan ahli di bawah umur 55 tahun dengan jumlah pengeluaran RM11.6 bilion.

Jumlah baki simpanan keseluruhan Akaun 3 pula adalah sebanyak RM7.4 bilion setakat November 2024, kata Lim.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 DEC 2024



DZULKEFLY Ahmad menunjukkan poster penguatkuasaan larangan merokok dan vape di premis makanan pada program Jom Lapor di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

5,642 individu dikompaun RM1.3 juta, hisap rokok di lokasi terbuka um 20/12

PUTRAJAYA: Sejumlah 5,642 individu dikompaun Kementerian Kesihatan (KKM) di seluruh negara kerana kesalahan merokok secara terbuka di lokasi yang dilarang.

Perkara itu didedahkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dengan menyifatkan kompaun itu dibuat sejak penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang bermula 1 Oktober lepas.

"Setakat 17 Disember lalu, kita sudah pun mengeluarkan kompaun bernilai RM1,370,500 yang melibatkan tiga seksyen di bawah Akta 852 itu," katanya ketika ditemui pemberita selepas

melancarkan laman sesawang Jom Lapor yang dibangunkan oleh KKM di sini semalam.

Platform atas talian itu direka mesra pengguna serta menjadi pelengkap pelaporan selain menerusi mesej WhatsApp dan laman Sistem Pengurusan Aduan Awam yang sedia ada.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, sehingga kelmarin sejumlah 1,316 'hot spot' untuk kes kesalahan merokok dikenal pasti dengan Selangor paling tinggi iaitu 506 lokasi diikuti, Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan merekodkan 212 lokasi, manakala Johor pula 188 dan Pulau Pinang 117 lokasi.

"Sementara itu, bilangan adu-

an menerusi WhatsApp mencatatkan 13,763 setakat akhir bulan lalu, naik berbanding 12,224 sepanjang tahun lepas dan 7,271 pada 2022," katanya.

Jelasnya, tindakan penguatkuasaan menyaksikan peningkatan drastik tahun ini bagi tempoh sampai hujung bulan lalu dengan merekodkan 12,153 daripada 9,586 pada 2023.

"Sejak Akta 852 dikuatkuasakan bermula pada 1 Oktober lalu, KKM sudah melawat sebanyak 94,587 premis di seluruh negara melalui 5,260 operasi penguatkuasaan sepanjang tempoh itu dengan 2,851 produk rokok berjaya disita yang bernilai RM43,348," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:20 DEC 2024.....

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
gayautusan@mediamula.com.my

ZAKAT yang digariskan sebagai rukun Islam keempat secara maknawinya, memainkan peranan yang besar dalam membantu kelangsungan hidup masyarakat sejagat.

Terutamanya, memberi impak positif dalam tiga aspek utama iaitu ekonomi, sosial dan pendidikan.

Peranan ibadah zakat dalam tiga aspek ini telah mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat untuk membentuk masyarakat yang berjaya dan berdaya saing serta menjamin masa depan yang lebih sejahtera.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah badan yang mengurus tadbir pembayaran zakat secara konsisten dan agihan yang adil serta efisien kepada individu yang berkelayakan untuk menerima zakat.

Tujuannya untuk memastikan wujudnya keseimbangan jurang sosial dalam masyarakat hari ini.

Bagi meraikan 30 tahun yang gemilang, LZS mengadakan Pameran 30 Tahun Jubli Mutiara organisasi tersebut dalam usaha memperkasa komuniti di negeri ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd. Sabirin Mohd. Sarbini, pameran tersebut menggunakan konsep bahtera sebagai simbol perjalanan LZS selama tiga dekad.

"Ia menggambarkan sebuah kapal yang kuat dan teguh belayar membawa harapan dan bantuan kepada mereka yang memerlukan (asnaf).

"Bahtera ini menjadi lambang dedikasi LZS menghadapi segala cabaran dan terus berusaha menyantuni golongan asnaf serta memberi perkhidmatan terbaik kepada pengeluar zakat di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian yang disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS, Tan Sri Raja Arshad Raja Tun Uda di Pustaka Raja Tun Uda Shah Alam di Seksyen 13 Shah Alam, baru-baru ini.

LZS yang merupakan agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang ditubuhkan pada tahun 1994, begitu sinonim dengan pengurusan zakat di negeri Selangor.

'JALINAN HARAPAN'

Mohd. Sabirin berkata, pameran yang membawa tema 'Jalinan Harapan,



RAJA Arshad menurunkan tandatangan pada lukisan bahtera semasa perasmian pameran itu di Shah Alam bar-baru ini. - UTUSAN/ABD RAZAK IDRIS

Semakin ramai sedar kepentingan zakat

Um 70/12



MOHD. Sabirin (kiri) menunjukkan kaedah pembayaran zakat di kaunter.

Membangun Kehidupan' berlangsung sepanjang bulan ini dari pukul 10 pagi hingga pukul 6 petang di perpustakaan tersebut.

"Selain menjadi platform untuk mengetengahkan perjalanan 30 tahun LZS dalam menyantuni masyarakat, khususnya

golongan asnaf, ia turut bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan zakat sebagai pemangkin pembangunan ummah.

"Pameran ini bukan sekadar mengenang sejarah, tetapi juga mencerminkan komitmen berterusan

LZS untuk memacu pembangunan komuniti melalui pelbagai inisiatif strategik yang dilaksanakan sepanjang tempoh penubuhannya," katanya.

Tambahnya, suatu masa dahulu LZS hanyalah satu titik kecil dalam peta kewangan Islam dan institusi kebajikan di rantau ini, namun kini semua pihak telah mula membuka mata.

Lebih-lebih lagi, orang-orang yang berkemampuan melihat LZS sebagai tempat untuk mereka mensucikan harta mereka, manakala bagi yang kurang berkemampuan menjadikannya sebagai dahan untuk mereka berpaut.

"Rakan-rakan di Institusi Islam lain pula melihat LZS sebagai teman untuk menjayakan agenda kebajikan dalam bidang kewangan, sosial dan lain-lain.

"LZS kini menjadi jambatan di antara muzakki (pembayar zakat) dan mustahiq (asnaf) dalam memastikan semua pihak mendapat kebaikan dan manfaatnya.

"Di sebalik kejayaan ini, LZS amat terhutang budi dengan semua pihak yang tidak henti-henti mendukung LZS selama ini," ujarnya.

Katanya lagi, pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk pengunjung pada semua peringkat umur pada pameran berkonsep bahtera yang julung-julung kali diadakan.

Orang ramai boleh melayarui bagi mendapatkan informasi berkaitan perkhidmatan LZS, kuiz interaktif, pertandingan mewarna, program Start Wi Sepuluh serta sesi bercerita yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan zakat.

SISTEM AGIHAN ZAKAT

Sebagai institusi zakat yang memegang amanah, LZS mempunyai motto 'Meneraju Perubahan' terus komited menguruskan dan memanfaatkan potensi kutipan zakat serta memastikan pengagihan zakat yang dilaksanakan selaras dengan tuntutan syarak.

LZS diperkukuhkan operasinya, dengan tenaga kerja lebih 400 orang serta disokong dengan cawangan cawangan LZS di seluruh negeri yang menjalankan amanah sebagai amil dan amilin.

Mereka dilatih untuk integriti, jujur dan telus dalam melaksanakan tanggungjawab.

Sepanjang tempoh tiga dekad penubuhannya, bada itu mula mengutip sebanyak RM16 juta pada tahun pertama dan kutipan semakin meningkat melebihi RM1 bilion pada tahun 2022 dan 2023.

Ia membolehkan pengurusan dilaksanakan dengan cemerlang selain mempergiat gerak kerja dakwah bagi memastikan lebih ramai masyarakat menunaikan rukun Islam ke empat ini.

Manakala, sistem pengagihan zakat juga ditambah baik agar menyeluruh dan berkesan kepada lapan asnaf yang ditetapkan dalam Al Quran melalui lima program pembangunan utama asnaf iaitu Program Pembangunan Sosial, Pendidikan, Ekonomi Insan dan Pembangunan Institusi Agama.

Badan itu juga mengamalkan pengurusan terbaik dalam menjana dan memartabatkan kecemerlangan bukan sahaja asnaf, malah ummah secara keseluruhannya.

Ramai usahawan yang berdaya maju dilahirkan, anak-anak asnaf cemerlang dalam pendidikan dapat menyambung pengajian, keluarga mempunyai tempa perlindungan yang selesa serta membantu meringankan beban kos perubahan.



Govt names 8 platforms that must obtain licence

KUALA LUMPUR: The government has identified eight social media and online messaging platforms that will be required to obtain a licence under the Communications and Multimedia Act 1998 by next year.

Communications Minister Fahmi Fadzil, in an exclusive interview with the *New Straits Times*, said the platforms included Meta's WhatsApp, Facebook and Instagram, Elon Musk's X (formerly Twitter), Google's YouTube, Pavel Durov's Telegram, Tencent's WeChat and ByteDance's TikTok.

He said these platforms had met the threshold of at least eight million users in the country, and added that they were not being specifically targeted.

Fahmi said the ministry was

currently engaging with the platforms to explain and emphasise the necessity of the requirement.

He said some platforms had pushed back, citing reasons such as concerns over stifling innovation and challenges of establishing a local office.

However, he expressed confidence that given the profits these platforms generate and the significance of the Malaysian market, they should comply with local laws.

Using Meta as an example, Fahmi said the company earned approximately RM2.5 billion annually from the Malaysian market through advertising.

On top of that, he said Malaysians had reportedly lost more than RM400 million to scams published on Meta's Facebook, which accounted for 90 per cent of the 180,000 articles of gambling and fraud con-



“What makes you (platform providers) so extraordinary or special that you can make money from us, but our laws don't apply to you?”

FAHMI FADZIL

tent that the government had ordered to be removed.

“What makes you (platform providers) so extraordinary or special that you can make money from us, but our laws don't apply to you?” he said.

The government is standing firm by its decision, he added, and the licensing requirement was not about stifling free



speech or hindering innovation.

“The automotive industry is licensable, but that doesn't stop a wide variety of innovative products from entering the market,” he said.

Fahmi noted that many other platforms had indicated their willingness to comply with the licensing requirement.

“Telegram representatives came

last week, and our engagement was very positive. I met Google last week and I am meeting Meta this week. This kind of engagement is ongoing.

“We believe that when we highlight our intent to make the Internet in Malaysia safer for children and families, how can you not get behind a message like that?” he said.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: ...2.0..DEC..2024....

Microplastics in our food and their health impact



POLLUTANTS and its impact to human health is not something new. Few decades ago, leaded petrol was banned in phases globally due to the use of lead (a type of heavy metal) as an anti-knock material in car engines was only discovered to be a big mistake after almost 60 years. This is because it brings harmful health effects to the brain growth especially for children.

A new type of emerging pollutant is rocking the food security! Microplastics are plastics smaller than five millimetres in size. It is categorised into primary and secondary sources.

Primary sources are particles designed for commercial use including the cosmetics industry, microfibers from textiles and so on. Secondary sources are debris from large plastics such as plastic bags or plastic water bottles due to the degradation process.

The high mobility of microplastics is due to its small size and lightness which allows these materials to exist

as insoluble material in water or as part of material blown by the wind.

Plastic is not a food source and aquatic animals are also exposed to these microplastics. This is one of the ways microplastics enter our food chain. Air lifted microplastics can be inhaled into the lungs.

The impact of microplastics on human health is an issue that is still being debated. However, plastic materials that leach in certain environments have been proven to have affected the endocrine system (hormones), carcinogenic, toxic and so on.

Leaching occurs when the active ingredients in the plastic begin to "move" out and enter our blood system either in our body or through food sources (including drinks).

The presence of secondary sources of microplastics such as plastic bags or plastic bottles that are exposed to ultraviolet rays (UV) will accelerate the process of plastic degradation.

However, this process is still

slower compared to the introduction of degradable plastics in the current market.

AWER has also repeatedly raised this issue to the government but the use of degradable plastic has become an "environmentally friendly" trend that makes no sense and is very unintelligent. Although these plastic materials break down into small components, they are not a food source and will exacerbate the microplastic problem further.

Several countries have already taken initial steps to impose controls on primary sources of microplastics.

In Malaysia, we are still in the early stages with the establishment of a committee to study new types of pollutants, including microplastics.

Among the measures we recommend to the government are:
• to create baseline data to ensure we know the current situation and compare it with stimulated models in other countries to help implement preventive measures;

• to impose a ban on the use of microplastics in cosmetic products and degradable plastic bags immediately;

• the government needs to monitor food sources and the level of exposure to microplastics; and

• monitoring the quality of treated water to detect microplastic materials especially for water treatment plants in midstream or downstream areas. Water samples with a higher frequency should be taken during low base flow where the dilution factor is lower.

The government also needs to speed up overall preventive measures before we pollute our food chain and possibly impacting the export market of our food and beverage industry.

This article is contributed by Piarapakaran S, president of Awer, a non-government organisation involved in research and development in the fields of water, energy and environment.

THE SUN

20 DEC 2024

Tarikh:

Women participation in workforce vital

COMMENT
By C. Sathasivam Sitharavellu

WITH our economic recovery growing steadily, and with AI (artificial intelligence) and technology advancements burgeoning with challenges, we need the talents and resourcefulness of the nation's women in today's workplace.

Research tells us that the majority of our university graduates are women; however, many are opting to leave their careers after they marry and have children to care for their families.

Currently, 55% of women in Malaysia are part of the workforce, but this figure needs to rise. We must implement necessary changes in the workplace to boost this percentage. If successful, it is projected that the country's gross domestic product could increase by as much as RM9 billion.

In the business world, there are numerous changes that can make it more appealing for women to either return to their careers or start a new one – benefiting both their families and the companies that employ them.

Offering on-site upskilling training with flexible scheduling options is essential.

Other attractive measures include flexible working hours, job-sharing opportunities, on-site childcare, extended maternity leave (when necessary) and split schedules that allow a mix of in-person office work and remote workdays.

Gender equality in pay is a powerful motivator for women, along with a zero-tolerance policy for harassment and abuse of any kind. Research indicates that workplaces that are designed to support women's work-life balance are key factors in their decision to re-enter the workforce.

Surveys conducted by TalentCorp's group of companies found that 80% of organisations believe investing in work-life balance strategies boosts productivity, enhances overall company well-being and significantly contributes to talent retention.



From corporate boardrooms to informal service jobs, every woman gainfully employed in the workforce can contribute to the country's economic growth. – SUNPIC

Retaining top employees by adapting policies to accommodate life-changing phases, such as starting a family, offers significant benefits to employers by reducing the need for recruitment and training.

Furthermore, employees are more likely to stay with a company that supports their evolving circumstances. As promoting economic opportunities for women is seen as one of the most promising pathways for Malaysia's economic growth, it is crucial to eliminate all economic barriers for women.

If successful, the country's per capita income is projected to grow by 26.2%, which could translate into an average income gain of RM9,400. Therefore, it is vital to promote a wide range of quality employment and self-employment opportunities.

From corporate boardrooms to informal service jobs, every woman gainfully employed in the workforce can contribute to the country's economic growth.

With the advent of online marketing, women have become highly successful in creating and selling their own products internationally, even from remote villages.

The Maasai women of Africa weave

museum-quality baskets from native grasses, which sell for premium prices.

Silversmith artisans from Taxco in Mexico and the island of Bali market their exquisite jewellery designs for significant profits.

Women in India craft beautiful textiles and garments from bamboo cloth, selling them through an umbrella company. With the proceeds, these women uplift their families out of poverty, provide essential services for their communities and supply medical-grade nutrition supplements to malnourished children.

All of them contribute to the economic growth of their countries. Why not in Malaysia?

We must make every effort and create every possible opportunity for women to contribute to the economic growth and success in the coming year – for themselves, their families and the nation.

We need the intellect, talent and resourcefulness of the women in our country.

To unlock their full potential, we must revolutionise the opportunities available to them by investing in strategies that support their success, both at home and in the nation's workplaces.

Comments: letters@thesundaily.com

THE SUN
20 DEC 2024

Tarikh:

Steady increase of 'green buildings'

➤ Despite cost and logistical challenges, Malaysia on track with good number of sustainable development projects

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia's Green Building Index (GBI), the country's industry-recognised green rating gauge for buildings to promote sustainability in a built environment, reached a milestone in December 2023 after 300 million square feet of such space was certified nationwide, involving 671 projects.

On Nov 20 this year, Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming announced the government aims to position Malaysia as a leading hub for green investments to drive sustainable growth.

He also mentioned plans to integrate climate-resilient features into affordable housing projects, ensuring the urban poor are not left behind in the transition to greener cities.

University of Malaya Department of Architecture Faculty of Built Environment senior lecturer Dr Najah Md Alwi said although there has been positive progression, the growth of green buildings is being hampered by the high cost of eco-friendly materials and advanced technologies, scarcity of sustainable materials in rural locations and logistical challenges.

"There is also a need for specialised knowledge about green buildings, but such expertise is still developing within Malaysia's construction sector.

"Also, the absence of mandatory green building regulations and weak enforcement present major obstacles to implementing green practices."

Najah said green buildings are becoming important, especially in addressing challenges such as rapid urbanisation, rising energy demands and the "urban heat island effect".

She said as urbanisation accelerates in Malaysia, adopting green buildings addresses environmental concerns and improves quality of life by promoting energy efficiency, reducing waste and enhancing indoor air quality.

"Green buildings embody the principles of a

circular economy by reducing waste, reusing materials and designing for adaptability. These practices are particularly relevant in the construction sector, where the carbon footprint is substantial."

Najah said green buildings also align with Malaysia's commitments under the Paris Agreement to reduce greenhouse gas emissions.

Universiti Teknologi Malaysia Department of Architecture head Prof Dr Lim Yaik Wah said while green strategies may have higher upfront costs, integrating them from the early stages of design can significantly reduce expenses, especially by utilising passive architectural solutions.

"Many sustainable building products and materials are now widely available in the market, such as low volatile organic compound paints and LED lighting.

"In the long run, investing in green buildings proves to be highly worthwhile, as it reduces energy costs, enhances building efficiency and improves occupant well-being."

Lim said the current green building landscape in Malaysia is on the right track, with an increasing number of green buildings and green township developments.

"Green buildings are designed to be energy-efficient and environmentally friendly throughout their life cycle. Given Malaysia's rapid urbanisation and rising energy demands, adopting green building technology is crucial to reducing carbon intensity.

"We need to accelerate progress by raising awareness and generating interest among stakeholders, including building professionals, policymakers and the public."

Lee also said the government could encourage the adoption of green buildings by offering incentives, as well as implementing and enforcing regulations.

"To accelerate such progress, tax benefits for companies investing in eco-friendly projects and higher plot ratios may be necessary to attract more participation."

THE SUN
Tarikh: 20 DEC 2024